

18 JUL 2002  
LID-SAMBUTAN/I  
DIALOG ANTARABANGSA LANGKAWI 2002 DAPAT SAMBUTAN BAIK

Oleh: Yong Soo Heong

PUTRAJAYA, 18 Julai (Bernama) - Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 2002) tahun ini yang akan berlangsung di Langkawi mulai 1 hingga 3 Ogos, mendapat sambutan yang baik, kata pengerusi jawatankuasa kebangsaan LID 2002, Dr Ahmed Tasir Lope Pihie.

Beliau berkata lebih 200 pegawai kerajaan dan pemimpin industri dari 36 negara bersetuju untuk mengambil bahagian pada dialog tiga hari itu yang akan memberi penekanan terhadap mewujudkan lebih banyak peluang bagi perkongsian pintar yang lebih luas.

Sehingga kini 10 ketua negara dan kerajaan dari Botswana, Ghana, Kyrgyz, Mozambique, Namibia, Rwanda, Swaziland, Tanzania, Uganda dan Zimbabwe telah menerima jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadirinya.

"Kami menjangka lebih ramai lagi akan mengesahkan penyertaan mereka tidak lama lagi," kata Dr Ahmed, yang juga presiden dan ketua eksekutif Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).

MIGHT ialah penganjur bersama LID 2002 bersama-sama dengan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Dianggarkan 400 delegasi dijangka menghadiri dialog tahun ini yang merupakan gabungan LID, Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur (EAID).

Dr Ahmed berkata anggota pelbagai jawatankuasa kecil yang terlibat dalam penganjuran LID 2002 -- Protokol & Sambutan, Keselamatan & Kecemasan, Perkhidmatan & Sokongan, Media & Promosi, Teknikal dan Kesihatan -- kini sedang membuat persediaan akhir bagi memastikan dialog berkenaan berjaya.

Tema dialog tahun ini ialah "Ke Arah Dunia Lebih Pintar : Mengukuhkan Keselamatan dan Kemakmuran bagi Pembangunan Menerusi Perkongsian Pintar".

Berlandaskan kepada konsep "memakmurkan jiran" yang diajukan oleh Dr Mahathir, dialog tahun ini bertujuan untuk mengeratkan prinsip perkongsian pintar seluruh negara, kewarganegaraan, kerajaan, perniagaan dan sektor sosial.

Dialog berkenaan akan membolehkan para peserta berkongsi pengalaman dan pelajaran yang dipelajari dalam bidang-bidang kerajaan, ekonomi dan sosio politik.

LID 2002 juga akan meneroka penggunaan sumber yang boleh memberi faedah dan meningkatkan kesejahteraan Perkongsian Pintar masyarakat antarabangsa serta menyediakan laluan bagi hubungan khusus atau anggota kumpulan untuk mengadakan rangkaian, berkongsi dan berunding sesama sendiri mengenai isu-isu, peluang-peluang dan cabaran yang dihadapi mereka.

Khemah besar telah didirikan khas di Pelangi Beach Resort, tempat utama dialog berkenaan.

Bankuet makan malam pembukaan pada 1 Ogos dihoskan oleh Dr Mahathir, yang merupakan hos penaung dan penasihat LID 2002, akan diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri.

Jadual tentatif bagi program dialog berkenaan pada 2 Ogos ialah seperti berikut:

- \* membentuk sistem keselamatan antarabangsa dalam dunia unipolar
- \* memahami budaya untuk komunikasi yang lebih baik
- \* mengurangkan ketidakpastian dalam sistem kewangan antarabangsa
- \* menguruskan transisi dalam pembangunan ekonomi

Pada sebelah tengah hari, akan berlangsung sesi tertutup dua bahagian bagi hubungan yang khusus atau kumpulan perniagaan, media, usahawan muda,

ahli politik dan kakitangan awam, budaya, isu-isu sosial dan buruh di bawah sub-tema "Mengambil Peluang Terhadap Dialog Perkongsian Pintar".

Di bawah sub-tema "Isu-isu dan Tindakan", perbincangan akan menumpukan kepada "Hubungan Isu-isu Sosial - Memberi Kuasa Masyarakat Melalui Perkongsian Pintar"; "Hubungan Ahli Politik & Kakitangan Awam - Teras Pemikiran Negara bagi Perubahan Pendidikan & Perkhidmatan Awam melalui Perkongsian Pintar"; "Hubungan Perniagaan & Buruh - IT Audit Dalam Organisasi", dan "Hubungan Media & Budaya - Menggiatkan Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi)".

Pada hari terakhir (3 Ogos), perbincangan akan menumpukan kepada "Pencapaian Pertumbuhan Yang Sama Bagi Kemakmuran yang Mapan"; "Membangunkan Sumber Manusia (termasuk pengurusan kesihatan)"; "Mengembangkan Pengetahuan Ekonomi Melalui Inovasi" dan "Pengalaman Malaysia Bagi Pembangunan Ekonomi - Peluang-peluang bagi Pembelajaran dan Perkongsian". -- BERNAMA

SHY SD NHD